

AL-BANJARI

Jurnal Ilmiah Ilmu-Ilmu Keislaman

ISSN 1412-9507

AL-BANJARI
Jurnal Ilmiah Ilmu-Ilmu Keislaman

Volume 14, Nomor 2, Juli-Desember 2015

Risalah Sakrat Al-Maut Karya Abdurrauf Singkel
(Penelitian Filologis Atas Naskah Nagara)
Abu Qasim, Muhammad Yusuf, dan Fathullah Munadi

Implementasi Kurikulum Holistik untuk Meningkatkan Hasil
Belajar Pendidikan Agama Islam pada Siswa
Madrasah Tsanawiyah (M.Ts) di Banjarmasin
Salamah

Integrasi Pengajian Sains-Teknologi dan Pengajian Syariah:
Satu Penilaian Semula
Alias Azhar

Membumikan Hukum Islam di Indonesia
M. Fahmi Al Amruzi

Perlakuan Akuntansi Syariah PSAK Nomor 102 pada BMT Ummah
Banjarmasin
Hariyanto

Sighat Ijab Kabul Transaksi Jual Beli: Perspektif Ulama
Kalimantan Selatan (Analisis Praktik Bermazhab di Kalimantan Selatan)
Hj. Rusdiah, Zainal Muttaqin, Sa'adah

Keterlibatan Perempuan Mencari Nafkah Keluarga dalam Al-Qur'an
Norcahyono

Diterbitkan :
Pascasarjana IAIN Antasari Banjarmasin
al-banjari@iain-antasari.ac.id

AL-BANJARI	Vol. 14	Halaman 109-222	No.2	Banjarmasin, Juli-Desember 2015	ISSN 1412-9507
------------	---------	--------------------	------	------------------------------------	-------------------

AL - BANJARI

Jurnal Ilmiah Ilmu-Ilmu Keislaman

Vol. 14, No. 2, Juli-Desember 2015

DAFTAR ISI

- Risalah Sakrat Al-Maut* Karya Abdur Rauf Singkel (Penelitian Filologis atas naskah Nagara) 109-130
Abu Qosim, Muhammad Yusuf, Fathullah Munadi
- Implementasi Kurikulum Holistik untuk Meningkatkan Hasil Belajar Pendidikan Agama Islam pada Siswa Madrasah Tsanawiyah (MTs) di Banjarmasin 131-156
Salamah
- Integrasi Pengajian Sains-Teknologi dan Pengajian Syariah : Satu Penilaian Semula 157-171
Alias Azhar
- Membumikan Hukum Islam di Indonesia 172-184
M. Fahmi Al Amruzi
- Perlakuan Akuntansi Syariah PSAK Nomor 102 pada BMT Ummah Banjarmasin 185-193
Hariyanto
- Sighat Ijab Kabul Transaksi Jual Beli : Perspektif Ulama Kalimantan Selatan (Analisis Praktik Bermazhab di Kalimantan Selatan) 194-210
Hj. Rusdiyah, Zainal Muttaqin, Sa'adah
- Keterlibatan Perempuan Mencari Nafkah Keluarga dalam Al-Qur'an 211-222
Norcahyono

INTEGRASI PENGAJIAN SAINS-TEKNOLOGI DAN PENGAJIAN SYARIAH: SATU PENILAIAN SEMULA

Alias Azhar

Profesor Madya pada Pusat Pengajian Undang-Undang
Kolej Undang-Undang, Kerajaan & Pengajian Antarabangsa
Universiti Utara Malaysia, 06000 Sintok, Kedah, Malaysia
Email: az.alias@uum.edu.my

Abstract

The development of *shari'ah* is being questioned because it has deviated from the original purpose and tends to focus more on formal aspects than on its application and usefulness for life. Therefore, it is the time to re-evaluate the strategy and execution of all forms of *shari'ah* to fit with the modern era and improve the business of *ummah* to cover the advancement of science and technology. There are two choices in establishing the patterns of *shari'ah* studies. First, follow the trends with technical, bureaucratic and legal also formal rule that will make Islamic *shari'ah* static. Secondly, formulate the paradigm of integrated *shari'ah* studies covering the development of science and technology whose purpose is to establish a dynamic and responsive Islamic law to the problems of society.

Keywords: Integration of Science & Technology, Reformation of Traditional *shari'ah* Studies, Islamic Studies curriculum.

Pendahuluan

Integrasi merupakan penggabungan atau pergabungan dua atau beberapa unsur atau bahagian menjadi kesatuan¹. Maksud yang lebih ringkas, integrasi diertikan sebagai penyatuan². Apabila dimasukkan imbuhan “ber” pula, menjadi berintegrasi bermaksud bergabung atau berpadu. Jika integrasi bergabung dengan imbuhan “ter” membawa erti disatupadukan, bagi penggunaan terintegrasi, selain itu pengintegrasian lebih fokus kepada proses mengintegrasikan sesuatu.³Jelas di sini, bahawa integrasi atau pengintegrasian pengajian S&T dengan pengajian Syariah, beerti satu proses menyatupadukan atau penyatuan antara kedua- dua bidang pengajian tersebut. Maksudnya juga adalah sama erti dengan sintesis, yang bererti proses menyatukan pelbagai unsur menjadi kesatuan yang kompleks.⁴

¹ *Kamus Dewan*, (1998),ed. Ke-3, Kuala Lumpur: DBP, h. 495.

² *Ibid.*

³ *Kamus Dewan*, *ibid.*

⁴ *Ibid.*, h. 1288.

Dalam masa yang sama, integrasi bukan sekadar proses interaksi antara kedua-dua bidang pengajian itu, kerana interaksi hanya sekadar perhubungan aktif antara satu sama lain.⁵ Begitu juga integrasi tidak menyamai islamisasi yang beerti usaha atau proses menjadikan sesuatu sejajar atau sesuai dengan ajaran agama Islam⁶. Islamisasi pengajian S&T hanya berkonsepkan mengislamkan atau menjadikan pengajian itu sejajar dan sesuai dengan ciri- ciri keislaman⁷. Kertas kerja ini lebih menjurus kepada proses integrasi pengajian S&T dengan pengajian Syariah. Setiap proses sudah pasti mempunyai metodologi dan kaedah- kaedah serta pendekatan yang tertentu yang menjadi topik perbincangan para sarjana.

Kepentingan Integrasi Sains & Teknologi Dan Pengajian Syariah

Sebagai hipotesis awal dalam perbincangan ini, dibawah pengaruh dunia baru dengan segala kemajuannya termasuk perkembangan pesat S&T⁸, hampir semua perkara dalam kehidupan moden sekarang harus berevolusi seiring dengan perkembangannya. Institusi pengajian Islam tidak terkecuali, malah revolusi dan reformasi sistem pendidikannya perlu dilaksanakan demi menjamin kredibiliti dan otoriti Syariah Islamiah tidak tergugat.

Kepeluan kepada hukum Islam semasa bagi menjawab persoalan hidup yang berkait rapat dengan evolusi S&T pada hari ini⁹ amat kritikal. Secara holistiknya, Pengajian Syariah tidak seharusnya diulang atau menjadi fosil dengan secara buta meniru pemikiran hukum dan fiqh tradisional. Kekaburan yang tegar, doktrin yang mengikut literal dan meniru zaman lampau akan menghalang aplikasi semasa dalam pembinaan hukum Islam semasa. Pendekatan terbaik yang disarankan oleh Yusof Al-Qaradhawi¹⁰, iaitu, pentafsiran dan penganalisan berteraskan metod yang dinamik. Ijtihad baru berasaskan nilai-nilai kontemporari yang responsif terhadap fenomena globalisasi dan kemajuan S&T.

Selain itu, Yusof Al-Qaradhawi dalam masa yang sama menyuarakan gagasan Ijtihad Insyaid¹¹, di mana fuqaha perlu berbincang dan mendapatkan pandangan pakar- pakar ilmu moden sebelum menetapkan keputusan hukum. Tetapi, beliau juga menekankan bahawa fuqaha sendiri perlu mengetahui dan mengambil inisiatif menguasai keilmuan moden, khususnya pengetahuan S&T moden¹². Saranan ini lebih

⁵ Kamus Dewan, *ibid.*, h. 496.

⁶ *Ibid.*, h. 501.

⁷ Lihat sebagai contoh, Syed Al- Naquib Al- Attas, (1981), *Sekularisme dan Islam*, Bandung: Pustaka, dan lihat juga, Ismail Al- Faruqi, (1984), *Islamisasi Pengetahuan*, Bandung: Pustaka.

⁸ Lihat Hairudin Harun, (2004), *Retorik Sains Dan Teknologi Di Malaysia*, Kuala Lumpur: DBP, h. 168- 170.

⁹ Sebagai contoh, Institusi Fatwa telah dikemukakan persoalan hukum tentang kaedah penentuan waktu solat, kaedah solat, arah kiblat dan status halal makanan yang dibekalkan pihak Rusia kepada bakal Angkasawan Malaysia Pertama. *Utusan Malaysia*, 26 April, h. 3.

¹⁰ Yusof Al- Qaradhawi, (1994), *Al- Ijtihad Al- Muasir Baina Al- Indhibit Wa Al- Infirat*, Kaherah: Dar Al- Tauzi' Wa Al- Nasyr Al- Islamiah, h. 6.

¹¹ Yusof Al- Qaradhawi, (1980), *Al- Ijtihad Fi Syariah Al- Islamiah Ma'a Nadhratain Tabliyyatin Fi Ijtihad Al- Muasir*, Kuwait, h. 127-128.

¹² *Ibid.*

ideal dan praktikal dalam usaha pembinaan hukum yang dinamik. Malah dalam hal ini, mantan Perdana Menteri Malaysia kelima¹³, turut menyarankan senada dengan perkara tersebut, supaya umat Islam masa kini menuntut dan menguasai ilmu-ilmu sains dan teknologi agar mereka terus relevan di dunia moden kini.

Para ulama dan ilmuwan Islam telah memberi sumbangan besar kepada pembentukan epistemologi dan membangunkan kaedah-kaedah penyelidikan yang menjadi asas kepada perkembangan ilmu kemudiannya¹⁴. Menangani isu perubahan hukum Islam berteraskan penyelidikan hukum atau Usul Fiqh seharusnya diintegrasikan dengan mekanisme dan modus operandi S&T secara berhikmah¹⁵. Kajian Usul Fiqh dalam bentuk yang baru amat penting, atas dasar ianya sebagai Queen Of Islamic Sciences.

Kesedaran bahawa Islam pernah gemilang bukan sahaja dalam pentadbiran dan kerajaan, tetapi juga cemerlang dalam bidang S&T pada suatu masa dulu. Kegemilangan ini tidak mustahil akan dapat diulangi dan dikecapi semula pada masa kini dan akan datang. Di dunia timur, dalam hal ini merujuk dunia Islam, pengajian ilmu-ilmu agama Islam yang normatif-tekstual terpinggir daripada perkembangan ilmu S&T, sosial, ekonomi, perundangan dan kemanusiaan pada umumnya.¹⁶ Namun kini, ilmu ekonomi, telah diintegrasikan dengan pengajian Syariah secara efektif dan berkesan. Contohnya wujud Bank Islam dan bank Muamalat berteraskan sistem perbankan Islam.¹⁷

Pembahagian ilmu selama ini adalah berbentuk pengasingan bidang ilmu yang terbahagi kepada tiga kelompok seperti berikut¹⁸:

1. Ilmu pengetahuan alam (*natural science*) meliputi, biologi, fizik, kimia dan astronomi.
2. Ilmu pengetahuan kemasyarakatan (*social science*), seperti ekonomi, undang-undang, sosiologi, antropologi dan budaya.
3. Ilmu kemanusiaan (*human science*) yang mencakupi bidang agama, falsafah dan bahasa.

Begitu juga dalam sejarah sistem pendidikan Islam masa silam, di mana menurut Hairudin Harun¹⁹, bahawa wujud dwi-pola pengembangan ilmu. Pertama yang bercorak integralistik-eksiklopedik yang dipelopori oleh para sarjana Islam unggul seperti Ibn

¹³ Abdullah Ahmad Badawi, (2005), Islam Hadhari Akan Bangkit, dlm. *Pemikir*, bil. 39 & 40, Januari- April- Jun, Kuala Lumpur: Kumpulan Utusan, h. 11.

¹⁴ Mohd Nakhaie Ahmad, (2005), Misi Islam Hadhari, dlm. *Pemikir*, bil. 39&40, Januari- April- Jun, Kuala Lumpur: Kumpulan Utusan, h. 23.

¹⁵ Rahimin Affandi Abd. Rahim, (2002), Ke Arah Penyediaan Kaedah Penyelidikan Hukum Islam Yang Terkini: Satu Pengenalan, dlm. *Jurnal Syariah*, v. 10:1, Kuala Lumpur: APIUM, h. 1- 24.

¹⁶ M. Amin Abdullah, (2003), Etika Tauhidik Sebagai Dasar Kesatuan Epistemologi Keilmuan Umum dan Agama, dlm. *Menyatukan Kembali Ilmu-ilmu Agama dan Umum*, Yogyakarta: Sunan Kalijaga Press, h. 4.

¹⁷ Huraian lanjut sila lihat, Cik Mustafa Cik Hasan, (2003), *Ekonomi Islam dan Pelaksanaannya di Malaysia*, Kuala Lumpur: IKIM.

¹⁸ Musa As Sya'arie et. al, (2003), Epistemologi dalam Perspektif Pemikiran Islam, dlm. *Menyatukan Kembali Ilmu-ilmu Agama dan Umum*, op- cit. , h. 43.

¹⁹ Hairudin Harun, (1992), *Daripada sains Yunani Kepada Sains Islam*, Kuala Lumpur: Penerbit UM, h. 86.

Sina, Ibn Rusyd dan Ibn Khaldun. Kedua, pola pengembangan keilmuan agama yang spesifik dan dipelopori oleh ahli hadis dan ahli fiqh. Gejala ini timbul hasil daripada pembahagian ilmu kepada kategori ilmu fitrah (fardhu 'ain) dan ilmu asing (fardhu kifayah). Dalam konteks ini, penulis tidak bersetuju dengan pembahagian ilmu seperti di atas masa kini, walau pun penggunaan bahasa yang berbeza²⁰ namun implikasi dan impaknya amat besar kepada kemunduran sistem pengajian Islam khususnya pengajian Syariah.

Jika dilihat sistem pendidikan dan pengajian di IPTA dan IPTS di Malaysia²¹ seolah-olah seperti sistem pendidikan awal abad renaissance hingga era revolusi informasi. Implikasi negatifnya²² mula memberi impak terhadap masyarakat Islam umumnya. Pendekatan terbaik saranan M. Amin Abdullah²³, dalam usaha integrasi pengajian S&T dan pengajian Syariah ialah harus disintesiskan bersama dalam silibus pengajian dan bukan sekadar integrasi dalam kampus yang sama. Elemen penting untuk memberikan landasan nilai Syariah Islamiah yang hakiki terhadap pengembangan ilmu S&T, sekaligus mengartikulasikan hukum Islam sesuai dengan perkembangan dan kemajuan S&T.

Diteliti faktor kemunduran penguasaan S&T Islam masa silam, Hairudin Harun menggariskan beberapa faktor, antaranya²⁴:

1. Faktor Teologikal: Pendirian bahawa falsafah dan sains boleh mengakibatkan hilang keimanan kepada Khaliq sebagai punca segala.
2. Faktor Epistemologikal: Perbahasan ilmiah semasa, mendedahkan bahawa teori sains ketika itu tidak kukuh logiknya, selain pendedahan Al-Ghazali tentang beberapa asas metafizik yang diaplikasikan sebagai teori sains bertentangan dengan metafizik Islam.

Namun bukan faktor yang menjadi persoalan dan iktibar di sini, tetapi implikasinya terhadap pembangunan sistem pendidikan Islam pada masa itu dan masa kini. Kesan daripada itu²⁵, pertama, menggugat kedudukan dan pembelajaran S&T dalam kurikulum pengajian Islam. Kedua, lenyap dan terhapus semangat Iqra' yang terkandung dalam Al-Quran. Ketiga, umat Islam telah tersalah aplikasi ilmu S&T yang sebenar, penekanan hanya diberikan kepada sains yang bersifat furu' seperti tilik, sihir dan awet muda yang dikaitkan dengan astrologi, astronomi dan kimia.

Pada dasarnya semua ilmu bertujuan untuk menemukan hukum, norma dan kaedah yang berlaku umum kepada semua, di samping pengecualian dan pengkhususan serta perbezaan pada setiap objek yang diamati.²⁶ Malah Al-Quran sendiri mengandungi

²⁰ Seperti ilmu naqli dan ilmu 'aqli, ilmu agama dan ilmu sekular, ilmu tradisional dan ilmu moden dan lain- lain lagi.

²¹ Mohd Zahir Zainudin, (2005), *Memperkasakan Pendidikan Di Malaysia: Kelangsungan Kecemerlangan*, dlm. Roziah Omar et. al, (ed.), *Malaysia: Isu- isu Sosial Semasa*, Kuala Lumpur: Unit Penerbitan ISM, h. 132- 140.

²² Seyyed Hossein Nasr, (1988), *Knowledge And The Sacred, Lahore*: Suhail Academy, h. 6, 45 & 85.

²³ M. Amin Abdullah, (2003), *op- cit.*, h. 8.

²⁴ Hairudin Harun, (1992), *op- cit.*, h. 85.

²⁵ *Ibid.*, h. 85&88.

²⁶ Mochtar Naim, (2003), *Epistemologi Dan Paradigma Ilmu- ilmu Sosial Dalam Perspektif Pemikiran Islam*, dlm. *Menyatukan Kembali Ilmu- ilmu Agama Dan Umum*, *op- cit.*, h. 80.

banyak informasi tentang fenomena- fenomena Alam (al- kaun) yang kesemuanya sangat sesuai dengan teori saintifik yang paling terkini. Bahkan menurut Maurice Bucaille, seorang sarjana Perancis seperti yang dicatatkan oleh Umar A. Janie²⁷, mengatakan bahawa kandungan ayat Al-Quran adalah terdiri daripada 150 ayat Syariat dan 756 ayat- ayat berkaitan sains.

Sikap responsif terhadap kaedah pengajian ala-orientalism. Pendekatan ini bersifat terbuka dan tidak wujud sifat fanatik terhadap tokoh ternama orientalis. Mengikuti amalan pengajian di barat, sesuatu kajian yang baik perlu mengikuti perkembangan sesuatu teori baru dan metodologi kajian ilmiah yang sentiasa berkembang. Pada mulanya kajian orientalis tidak menggunakan kaedah ilmiah yang betul seperti menggunakan sumber mitos²⁸ yang bersifat anti kepada Islam²⁹. Tetapi hal ini telah mula berubah apabila genre Barat telah terpengaruh perkedahan saintifik yang dibawa oleh gerakan Renaissance³⁰. Berbeza pula keadaannya dengan dunia akademik umat Islam pada masa itu yang berpusat di timur tengah di mana telah terjebak dalam budaya taqlid dan mengabaikan pengetahuan sains³¹. Dunia akademik Barat yang berpusat di Eropah, telah mengintegrasikan kaedah saintifik yang menjadikan mereka lebih progresif dengan pelbagai pencapaian dalam S&T yang tinggi mutunya.

Pendekatan Integrasi Sains & Teknologi dan Pengajian Syariah

Pandangan pragmatis dan stereotaip terhadap usaha integrasi pengajian S&T dan pengajian Syariah harus dielakkan. Mungkin perbezaan yang perlu kita awasi ialah persoalan falsafah yang mendasari pemikiran yang dikatakan saintifik itu. Pemikiran saintifik yang berasaskan falsafah mekanisme Descartes, misalnya³², menolak peranan Tuhan dalam memahami kejadian alam, atau kebenaran hanya boleh diterima jika ianya boleh diuji dan disahkan oleh rasionaliti akal semata- mata.

Di sini, penulis bukan bermaksud mengatakan bahawa keterikatan pengajian Syariah terhadap tradisi silam dan ketetapan hukum yang berasaskan metodologi kajian ilmiah sedia boleh menghalang kemajuan dan pemodenan masyarakat Islam. Tetapi apa yang dikehendaki daripada saranan integrasi kedua-dua bidang pengajian ini adalah fokus pengembangan dinamisme Pengajian Syariah itu sendiri. Seperti mana pendapat Prof Wan Mohd Nor³³, kelemahan umat Islam dalam peradaban selama beberapa kurun ini bukanlah disebabkan kelemahan sistem epistemologi dan metod pentafsiran sumber- sumber agama. Umat Islam mundur kerana menyimpang daripada

²⁷ Umar A. Janie, (2003), *Ilmu Pengetahuan Dan Teknologi Dalam Perspektif Pemikiran Islam*, dlm. Ibid., h. 111.

²⁸ E. E Calverley, (1958), *Islam: An Introduction*, The american University In Cairo Press, h. 2-3

²⁹ Norman Daniel, (1966), *Islam, Europe And Empire*, Edinburgh, h. 6.

³⁰ Mohd Natsir Mahmud, (1997), *Orientalisme: Al- Quran Di Mata Barat (sebuah studi evaluatif)*, Semarang, h. 51- 54.

³¹ Taha Jabir Al- 'Alwani, (1991), Taqlid And The Stagnation Of The Muslim Mind, dlm. *The American Journal Of Social Sciences*, v. 8. No. 3, h. 513.

³² Abdul Latif Samian et. al , (2003), *Perkembangan Sains Dan Peradaban Manusia*, Bangi: Penerbit UKM, h. 132.

³³ Wan Mohd Nor, (2004), Kaji Ide- ide Rahman Secara Kritis Dan Jujur, *ISLAMIA*, Agustus, h. 57.

mempraktikkan sistem pengajian Islam seperti generasi terdahulu.

Gagasan untuk membuka semula pintu ijtihad³⁴ tidak bermakna apa-apa sekiranya infrastruktur keilmuan, khususnya institusi-institusi pengajian yang menawarkan pengajian Syariah tidak dimantapkan, terutamanya daripada segi silibus pengajian. Selain itu, langkah proaktif boleh diambil dengan menyediakan pusat penyelidikan atau makmal kajian intensif di pusat-pusat pengajian Syariah. Realitinya, dalam catatan sejarah ketamadunan sains Islam silam³⁵, observatori atau pusat penyelidikan dan lebih dikenali sebagai cerapan astronomi merupakan institusi penyelidikan yang disepakati oleh sejarawan sains sebagai tempat bermula tradisi sains Islam.

Pengembangan pengajian Syariah harus diperluaskan skopnya meliputi kerja-kerja lapangan dan kajian makmal, bukan sekadar berbentuk teori, falsafah, keperpustakaan dan talaqi³⁶ seperti sedia ada semata-mata. Sesuai dengan keperluan semasa dan keperluan memperlengkapkan mahasiswa sebagai bakal mujtahid berwibawa di era kini, adalah dicadangkan dimasukkan beberapa kursus pengajian S&T bagi melahirkan generasi fuqaha yang intelek dan integrated penguasaan ilmunya.

Rasionalnya ialah kebangkitan kesedaran di kalangan sarjana Islam tentang peri pentingnya dilakukan penerapan subjek S&T moden yang lebih berjiwa Islam ke dalam sistem pendidikan Islam semasa. Hal ini perlu dilakukan sebagai langkah proaktif untuk membangun kerangka S&T Islam yang lebih bersifat Islamik dan memenuhi keperluan zaman moden. Selepas Malaysia mencapai status kemerdekaan, di dalam era 1960an-1980an telah timbul beberapa usaha untuk membangunkan masyarakat Malaysia ke arah status yang lebih baik berbanding dengan zaman penjajahan kuasa barat.

Usaha ini telah memberikan penekanan tentang betapa pentingnya masyarakat Malaysia ini meniru konsep pembangunan ala barat, dengan menerimapakai secara mutlak segala formula pemodenan barat yang diharapkan akan menaikkan taraf masyarakat Malaysia yang baru merdeka.³⁷ Sikap bertaqlid kepada formula barat ini tidak terhad kepada penerimaan konsep barat secara makro semata-mata, bahkan turut cuba meniru sikap materialism³⁸ dan sistem pemikiran barat yang lebih memberatkan kepada soal-soal rasionalisme -saintifik mengatasi pemikiran ala tradisionalism yang biasanya dipegang oleh masyarakat di sebelah timur.³⁹

Di sini, dapat kita katakan bahawa usaha mewujudkan lulusan pengajian Islam yang serba boleh dan mampu memberi sumbangan yang bermakna kepada masyarakat samada di peringkat tempatan ataupun antarabangsa bukanlah sesuatu harapan

³⁴ Amir Husin Mohd Nor, (2000), *Penutupan Pintu Ijtihad: Satu Kajian Semula*, Jurnal Syariah, 8:1, Januari, Kuala Lumpur: APIUM, h. 43-45.

³⁵ Hairudin Harun, (1992), *op- cit.*, h. 79.

³⁶ Abdullah Ishak, (1992), *Islam Di Nusantara (khususnya di Tanah Melayu)*, Kuala Lumpur: BAHEIS, h. 166- 168.

³⁷ Baharudin Ahmad, (1994), *Falsafah Sains Dari Persepektif Islam*, Kuala Lumpur, hlm viii-xiii.

³⁸ Muhammad Syukri Salleh, (1990), "Pembangunan untuk manusia atau manusia untuk pembangunan : analisis tentang manusia dalam pembangunan berteraskan Islam", dalam *Konsep Dan Pelaksanaan Pembangunan Berteraskan Islam*, Pulau Pinang, hlm 32-35.

³⁹ Abdul Rahman Abdullah, (2001), *Falsafah Dan Kaedah Pemikiran*, Kuala Lumpur : Utusan Publication, hlm 136-140.

yang mustahil. Pandangan ini tidak dibuat secara sewenang-wenangnya, tetapi telah dibuktikan dengan fakta sejarah yang menunjukkan sifat serba boleh (versatile) yang dimiliki oleh lulusan ini, yang secara terang-terangan telah memberi impak yang cukup besar di dalam pembentukan tamadun intelektual dan material masyarakat Islam. Fakta dan peristiwa sejarah ini sepatutnya tidak hanya dibanggakan secara kosong, tetapi perlu disertakan dengan pelbagai pelan bertindak bagi memastikan lulusan pengajian Islam ini tetap relevan untuk realiti semasa.

Sejarah ketamadunan Islam dan epistemologi pendidikan Islam membuktikan sains dan teknologi diaplikasikan secara sistematik dan praktik dalam tradisi keilmuan Islam, malah telah mencapai ke tahap tertinggi iaitu penciptaan roket pada abad ke-13.⁴⁰ Namun perkembangan dan perubahan zaman dan iklim politik dunia telah memberikan kesan kepada perkembangan sains dan teknologi Islam.

Faktor-faktor politik, ekonomi, sosial dan intelektual yang terangkum dalam unsur dalaman dan luaran turut menyumbang kepada kemunduran dan keruntuhan budaya intelektualisme Islam seterusnya mewujudkan diskriminasi dan klasifikasi ilmu yang menggugat demokrasi ilmu itu sendiri. Pemisahan pengajian sains dan teknologi dalam kurikulum pengajian Islam terus subur dan menular hingga ke hari ini.⁴¹ Malah lebih buruk lagi, sains dan teknologi moden yang terdapat masa kini dilihat sebagai hak milik Barat secara mutlak⁴², ini dibuktikan dengan gagasan dan wawasan sarjana dan saintis Muslim⁴³ untuk mengembalikan sains Islam atas slogan dan motto pengislaman sains.

Sekularisme Barat disemai dalam sains dan teknologi melalui pemisahan ilmu tersebut dengan agama. Slogan sains untuk sains⁴⁴ dan kekuatan mental, fizikal dan material adalah satu-satunya alternatif untuk mengatasi permasalahan kehidupan kemanusiaan tanpa mengambil kira fitrah kehidupan hakiki, iaitu kepentingan keperluan beragama atau kerohanian kepada manusia. Agama adalah penghalang kepada manusia untuk mengaut keuntungan material.⁴⁵ Fahaman materialisme wujud seiring dengan sekularisme dalam ketamadunan Barat umumnya dan khusus dalam epistemologi sains dan teknologi Barat, seterusnya kedua-dua fahaman tersebut digarapkan dalam usaha mencapai kemajuan dan pemodenan.

⁴⁰ Noorliza Jamaludin, (2004), Teknologi Roket Muslim, *Al- Islam*, Oktober, hlm. 31.

⁴¹ Mahathir Mohamad, (2003), *Belajar Daripada Kesilapan Masa Lalu*, Dlm. Hashim Makarudin (pngr.) *Islam Dan Umat Islam*, op- cit. , hlm. 64-65.

⁴² Mohd. Zuhdi Marzuki, (2000), Pengajian Sains, Teknologi Dan Masyarakat: satu Pendekatan Bersepadu Ke Arah Wawasan 2020, Dlm. Abdul Latif Samian & Mohd. Sabri Haron (pnyt.) *Pengajian Umum Di Alaf Baru*, Bangi: UKM. , hlm. 275.

⁴³ Ziauddin Sardar, (1958) , *Arquments For Islamic Science*, Aligarh: Centre For Policy And Future Studies, hlm. 1. Lihat juga Sulaiman Noordin, (1992) , *Sains Falsafah Dan Islam*, Bangi: UKM, hlm. 198-200. Osman Bakar, (1994) , Mewujudkan Tamadun Ilmu Berlandaskan Tauhid, Dlm. Baharudin Ahmad (pngr.) *Falsafah Sains Daripada Perspektif Islam*, Kuala Lumpur: DBP. , hlm. 138. Seyyed Hossein Nasr, (1994) , Islam Dan Sains Moden, Dlm. Baharudin Ahmad (pngr.) , *Falsafah Sains Daripada Perspektif Islam*, Kuala Lumpur: DBP. , hlm. 23-24.

⁴⁴ Huston Smith, (1994) , Kedudukan Sains, Dlm. Baharudin Ahmad (pngr.) *Falsafah Sains Daripada Perspektif Islam*, Kuala Lumpur: DBP. , hlm. 41- 45.

⁴⁵ Amini Amir Abdullah, (2004), Islam Hadhari Menyanggah Prinsip Sekularisme, *Al- Islam*, Oktober, hlm. 32- 34.

Realitinya, Islam bergerak seiring dan intim dengan perkembangan sains dan teknologi hingga kini, namun ianya hanya retorik dan nostalgia semata-mata yang hanya mampu dikenangkan dan dibanggakan oleh umat Islam terhadap sumbangan para saintis muslim terdahulu⁴⁶. Kita hanya mewarisi tradisi keilmuan Islam yang terhad kepada bidang teologi, hukum fiqh, perundangan dan akhlak, namun bidang sains dan teknologi moden yang dipelajari kini ialah tajaan Barat sepenuhnya.

Penggunaan sains dan teknologi Barat dalam masyarakat Islam hanya sekadar berperanan sebagai agen pemusnah nilai dan budaya Islam⁴⁷. Penemuan-penemuan sains dan teknologi Barat juga tidak mampu memenuhi keperluan dan citarasa serta di samping ketidakesuaiannya dengan ciri-ciri masyarakat Islam. Berdasarkan fakta-fakta ini, jelaslah kita memerlukan suatu bentuk aplikasi dan adaptasi sains dan teknologi yang serasi dengan Islam dan lebih utama kesatuan dan kesepaduannya dalam disiplin pengajian Islam.

Penguasaan serta aplikasi sains dan teknologi secara realitinya adalah merupakan tuntutan Islam dan akan menentukan ketamadunan sesuatu bangsa terutama masyarakat Islam itu sendiri. Ilmu itu juga yang akhirnya mampu memartabatkan maruah agama Islam pada pandangan agama-agama lain. Pembangunan dan pelaksanaan Syariat Islamiah sebagai visi dan misi unggul, secara praktiknya memerlukan projeksi minda yang bersifat eksploratif, meneroka, menyelidik dan mempelajari Syariat kemudiannya diproduksikan manfaatnya secara holistik. Seseengah data sains dapat digunakan untuk memahami teks al-Quran dengan lebih mendalam⁴⁸. Tidak dinafikan juga, penemuan sains telah menzahirkan keagungan wahyu dan ilmu sains dan teknologi dieksploitasikan sebagai alat berfikir tentang kewujudan Allah⁴⁹.

Merujuk kepada jurusan pengajian Islam di Malaysia, seperti mana halnya dengan bidang pengajian sains sosial dan kemanusiaan, kesemua jurusan pengajian ini telah melalui proses reviewing dan ubah suai yang bertepatan dengan nisbah Malaysia sebagai sebuah negara yang merdeka.⁵⁰ Hal ini jika dilihat dari sudut sejarah memang betul, memandangkan kebanyakan sistem pengajian keilmuan termasuklah pengajian Islam sendiri telah dirancang dan dibentuk penubuhannya berasaskan kepada kerangka pemikiran penjajah barat.⁵¹ Apa yang jelasnya, kerangka ala barat ini dibuat bagi menunjukkan sifat ketinggian tamadun barat⁵² dan pada masa yang sama merendah-

⁴⁶ M. Ali Kettani, (1991) , Sains Dan Teknologi Islam, Dlm. Ziauddin Sardar (pngr.) *Sentuhan Midas*, op- cit. , hlm. 91- 113.

⁴⁷ Ziauddin Sardar, (1992) , *Hujah Sains Islam*, (terj.) Abdul Latif Samian, Kuala Lumpur: DBP, hlm. 54.

⁴⁸ A. Rahman Omar, (1990), Fizik: Perkembangannya Dalam Tamadun Islam, Dlm. Baharudin Yatim & Sulaiman Noordin (pnyt.) *Sains Menurut Perspektif Islam*, Bangi: UKM, hlm. 18- 19.

⁴⁹ Sulaiman Noordin, (1990), Biologi Daripada Perspektif Islam, Dlm. Baharudin Yatim & Sulaiman Noordin, *Ibid.* , hlm. 24- 25.

⁵⁰ Arba'iyah Mohd Noor, (2001), "Pensejarahan Di Dalam Tradisi Barat dan Melayu : Satu Perbandingan Ringkas " , Dlm. *Jendela Masa*, Kuala Lumpur, hlm 26-27.

⁵¹ Ahmad Ibrahim, (1980), *Legal Education In Malaysia*, Singapore., hlm 36-38.

⁵² Adnan Nawang, (1998), *Za'ba dan Melayu*, Kuala Lumpur, hlm 26-28.

rendahkan tamadun Melayu,⁵³ termasuklah agama Islam itu sendiri.⁵⁴

Inilah asas kekuatan yang dibuktikan oleh *generasi Quraniik*⁵⁵ pada zaman keagungan Islam pada masa lalu yang sekadar menguasai ilmu agama malah sekali menguasai *acquired knowledge* dalam pelbagai bidang seperti falsafah, sains, fizik, kimia, perubatan, sejarah, botani dan sebagainya. Pengusaan ilmu yang dimiliki secara sepadu itu mampu membebaskan diri mereka daripada penjajahan minda sekularisme penjajah⁵⁶.

Era globalisasi dan evolusi digitalisasi turut memberi impak kepada sistem pengajian Syariah khususnya di Malaysia. Kurikulum pengajian Syariah tidak hanya tertumpu kepada permasalahan hukum yang sudah jelas terkandung di dalam al-Quran dan al-Sunnah serta pandangan fuqaha-fuqaha silam. Secara umumnya, sains itu sendiri berkembang dan berevolusi secara kondusif berasaskan faktor persekitaran yang ada. Eropah telah keluar daripada zaman kegelapan dan beralih kepada zaman kebangkitan melalui penemuan- penemuan saintifik dan penghasilan- penghasilan teknologi baru⁵⁷ untuk kemudahan manusia sejagat. Secara kasarnya, agama dan sains dianggap sepasang dan seiring dalam optik Syariah Islamiah yang luhur⁵⁸. Walaupun kemajuan sains dan teknologi memacu kemuncak namun masih kekal dalam bentuk keserasian dan kerelevanan dengan wahyu.

Apa yang membanggakan adalah proses pembaikan ini telah diterapkan kepada semua IPTA yang menawarkan jurusan pengajian Islam merangkumi Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia⁵⁹ Universiti Islam Antarabangsa Malaysia,⁶⁰ dan Kolej Universiti Islam Malaysia.⁶¹ Seterusnya IPTS Islam tumbuh dengan pesat selepas diluluskan Akta Pendidikan IPTS tahun 1996⁶² yang turut menawarkan

⁵³ Che Razi Jusoh, (2001), “ Pengajian Melayu : Dari Mana Hendak Ke Mana “, dalam *Harakah*, 1-15 mac 2001, hlm 4.

⁵⁴ Zainal Kling, (1994), *Antropologi tafsiran : sumbangan kebudayaan Malaysia kepada teori*, Syarahan perdana untuk pengukuhan profesor, Kuala Lumpur, hlm 8-24; lihat juga Rahimin Affandi Abdul Rahim, (1994), *Islamic legal reform in the administration of Islamic law in Malaysia : A critical analysis*, tesis Ph.D untuk University of Birmingham, hlm 332-334.

⁵⁵ Hilmy Bakar Almascaty, (1994), *Ummah Melayu, : Kuasa Baru Dunia Abad Ke-21*, Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd.

⁵⁶ Mohd Azhar ed al. (2005), *Mentaliti Kritis Dalam Kalangan Melayu: Suatu Pengamatan Terhadap Pelbagai Persolan Hidup Masyarakat Melayu Masa Kini*, dlm. Hashim Awang ed al. *Emosi Melayu*, Kuala Lumpur: APM, UM., h. 245.

⁵⁷ *Ibid.*, hlm 13- 16.

⁵⁸ Mohd Hazim Shah, (2004), *A Tale Of Two Scenarios In Development Of Science And Technology In Malaysia*, Dlm. Mohd Hazim Shah & Phua Kai Lit (pnyt.) *Publis Policy, Culture And The Impact Of Globalisation In Malaysia*, Kuala Lumpur: Persatuan Sains Sosial Malaysia, hlm. 73.

⁵⁹ Mohammad Azam Mohammad Adil, (1994), “ Pengajian undang-undang Islam di pusat pengajian tinggi – amalan di ITM” dalam *Jurnal Tasawwur Islam*, v. 3, hlm 75-84

⁶⁰ Abdul Aziz Bari, (1999), “ Legal education and Islamization “, dalam *IJUM Law Journal*, v. 7, no. 1, hlm 83-94.

⁶¹ Haji Marzuki Haji Mahmood, (2003), *Keberkesanan dan sambutan Masyarakat Terhadap Pengajian Islam Di Institusi Pengajian Tinggi*, dlm. Suzalie Mohamad, *Memahami Isu- isu Pendidikan Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur: IKIM. , hlm. 182.

⁶² Lihat sebagai contohnya Rahimin Affandi And. Rahim, (2005), *Isu Pendekatan Di Dalam Pengajian Syariah Di Malaysia: Satu Analisis*, dlm. *Jurnal Syariah*, jld. 13, bil. 1, Kuala Lumpur:

program- program pengajian Islam.⁶³

Integrasi pendidikan antara ilmu agama dan ilmu moden adalah amat kabur dan lemah sekali jika dilihat pelaksanaannya di Malaysia⁶⁴. Ini tercermin dalam sistem pendidikan kita yang membahagikan ilmu-ilmu kepada ilmu-ilmu Islam-wahyu dan bukan-wahyu, terdapat juga pembahagian semasa berkenaan bidang-bidang pengajian ini kepada beberapa aliran seperti sains, sastera, sejarah, bahasa dan falsafah. Seajar dengan itu, maka sekarang muncul usaha untuk menjayakan program Pengislaman Ilmu-ilmu atau *The Islamization Of Knowledge*⁶⁵ yang amat dialu-alukan dan harus mendapat sokongan jitu semua pihak.

Ilmu yang menjadi gagasan dan wawasan Islam sifatnya menyeluruh yang mengatur segala yang berkaitan dengan kehidupan. Ianya tidak hanya terbatas dalam ilmu syariat atau ilmu agama seperti yang disangka oleh sesetengah kalangan atau seperti yang dimomokkan dalam zaman kemunduran mengenai al-Quran⁶⁶. Al-Quran dengan pendekatan yang menggesa supaya dikaji dan diteliti perkara-perkara yang wujud serta gejala kehidupan. Selain itu, al-Quran juga menyeru supaya mengkaji makhluk manusia itu sendiri.⁶⁷ Metodologi⁶⁸ al-Quran dalam pendidikan jelas menganjurkan manusia supaya mengkaji ilmu Botani, Geologi dan spesis- spesis haiwan yang terdapat di bumi ini.⁶⁹

Mengikut kaca mata kaedah sains sosial moden, untuk tujuan menjadikan sesuatu kajian itu bersifat logiko-empirikal,⁷⁰ sebarang usaha mendapatkan maklumat tentang apa yang berlaku yang biasanya merupakan sesuatu permasalahan, perlu menggunakan beberapa metode penyelidikan lapangan yang khusus merangkumi (i) metode soal selidik, (ii) interview, (iii) observation, (iv) persampelan dan (v) eksperimen.⁷¹

Merujuk khusus kepada metode eksperimen, ternyata metode ini paling sesuai untuk digunakan oleh seseorang fuqaha, sebagai contohnya, di dalam dua bidang utama, fiqh jenayah dan fiqh kepenggunaan. Untuk memperkemaskan lagi fiqh jenayah, seseorang fuqaha boleh memanfaatkan metode klinikal yang mengkaji secara terperinci

APIUM, hlm. 106.

⁶³ Ahmad Sunawari Long et al. (2001), *Konsep Dan Halatuju Pendidikan Tinggi Islam Awam Dan swasta Di Malaysia*, dlm. *Kertas Seminar Islam di Pusat- pusat Pengajian Tinggi Asean ke- 3*, di Kolej Islam Melaka, 5- 7 November, hlm. 1-2.

⁶⁴ Ismail Ibrahim, (1999), *Sistem Pendidikan Islam Bersepadu*, dlm. *Isu-isu Semasa Dari Perspektif Islam*, Kuala Lumpur: IKIM., h. 255.

⁶⁵ Muhammad Uthman El-Muhammady, (2005), *Ilmu Pendidikan Dan Pembinaan Kekuatan Masyarakat Melayu Dalam Menghadapi Globalisasi Dan Teknologi Maklumat Dan Komunikasi*, dlm. Hashim Musa (ed.) *Bahasa & Pemikiran Melayu*, Kuala Lumpur: APM, UM., h. 8.

⁶⁶ Lihat huraian lanjut, Wan Zahidi Wan The, (1995), *Identiti Dan Kandungan Pendidikan Islam*, Kuala Lumpur: BAHEIS, JPM, h. 7-8.

⁶⁷ *Adz- Zaariyat*, 51:20-21.

⁶⁸ Metodologi ialah satu sistem yang merangkumi kaedah dan prinsip yang digunakan dalam sesuatu kegiatan, disiplin dan sebagainya. Sila rujuk *Kamus Dewan*, (1997), Kuala Lumpur; DBP, ed.3, h.87.

⁶⁹ *Fatir*, 35: 27-28.

⁷⁰ Mahmood Nazar Mohamed, (1998)“ Asas-asas penyelidikan Sains sosial “, dalam *Pengenalan kepada Sains Sosial*, Kuala Lumpur, hlm 220-221.

⁷¹ *Ibid*, h.223-228.

perbuatan bilazim seseorang yang terlibat melakukan sesuatu perbuatan jenayah.⁷² Hasilnya, dengan bantuan metode klinikal ini, fuqaha boleh mengemukakan jawapan hukum yang berbentuk, samada hukuman yang setimpal bagi mengelakkan sesuatu kesalahan itu berulang, ataupun dapat mencadangkan bentuk hukuman yang boleh memulihkan seseorang pesalah tersebut.

Begitu juga metode klinikal ini dilihat sebagai alat bantu utama yang boleh digunakan dalam fiqh kepenggunaan. Sebagai contohnya, sebelum memutuskan sesuatu hukum membabitkan soal kepenggunaan, fuqaha perlu mengetahui dengan terperinci tentang bagaimana proses kimia yang menghasilkan sesuatu barangan itu dibuat, termasuklah segala elemen yang terlibat di dalam sesuatu pemerosesan barangan.⁷³ Dengan cara ini, fuqaha akan mengetahui secara pasti apa-apa elemen yang kotor, haram dan berbahaya untuk kesihatan pengguna, yang bakal dikeluarkan jawapan hukum yang bersesuaian dengan realiti yang ada.⁷⁴

Persediaan fuqaha untuk meningkatkan pengetahuannya samada ilmu agama ataupun Sains dan Teknologi. Berasaskan kesedaran ini, kaedah ijihad moden samada dalam bentuk kreatif ataupun Tarjih⁷⁵ yang juga dapat dikatakan sebagai penyelidikan hukum Islam semasa perlu dibina dalam bentuk sintesis, yang mengabungkan antara kedua-dua kaedah iaitu kaedah ilmu usul al-fiqh dan metodologi penyelidikan S&T. Penyelidikan bertujuan mendapatkan kebenaran yang mempunyai logik mengenai sesuatu fenomena, tetapi ia tidak beerti bahawa kebenaran yang didapati itu merupakan kebenaran yang muktamad.⁷⁶ Fakta- fakta baru atau yang tidak diperolehi semasa penyelidikan dijalankan mungkin akan timbul dan ini akan mengubah keputusan penyelidikan dan pengetahuan akan sentiasa berubah.

Simpulan

Pengajian syariah mempunyai sejarah yang panjang dan telah berkembang seiring dengan perkembangan kebangkitan Islam⁷⁷. Selain itu, agenda utama Syariah, telah termaktub dalam lima ayat pertama surah al-‘Alaq.⁷⁸Kemampuan menguasai ilmu pengetahuan secara bersepadu boleh melahirkan generasi atau individu yang memiliki keampuhan dan kekuatan pengetahuan yang pelbagai dan semasa. Justeru itu, kecemerlangan intelektual dapat dikembangkan, ketrampilan dan kewibawaan diri

⁷² Ab. Alim Abdul Rahim, (1994), *Pengantar psikologi bilazim*, Kuala Lumpur, hlm 2-22 dan 50-77.

⁷³ Lihat Che Wan Jasimah Wan Mohamed Radzi, (2000), *Konsep kesihatan melalui pemakanan : Pendekatan Islam dan sains*, Kuala Lumpur, hlm 52-72.

⁷⁴ Lokman Ab. Rahman, (2001), *Halal products : consumerism, technology and procedures*, Melaka, hlm 39-47. Lihat juga *Makanan berbahaya; panduan CAP mengenai babaya tersembunyi dalam makanan*, (1999), Persatuan pengguna Pulau Pinang, Sungai Pinang,

⁷⁵ Maklumat lanjut tentang kedua-dua konsep ini boleh didapati dalam Fathurrahman Djamil, (1995), *Metode ijihad Majlis Tarjih Muhammadiyah*, Jakarta, hlm 31-35.

⁷⁶ Lihat, Mohd Sheffie Abu Bakar, (1995), *Metodologi Penyelidikan*, ed. Ke-2, Bangi: Penerbit UKM., h. 14.

⁷⁷ Huraian lanjut sila lihat, Abdullah Ishak, (1992), *Islam Di Nusantara (Khususnya Di Tanah Melayu)*, Kuala Lumpur: BAHEIS.

⁷⁸ Zainudin Jaafar, (2000), *Spektrum Pemikiran Islam*, Selangor: Kolej Islam Darul Ehsan Sdn. Bhd., hlm. 68.

dapat direalisasikan⁷⁹ dan proses ini juga memberikan impak besar dalam melahirkan insan seimbang dan harmonis seperti yang terkandung dalam matlamat Falsafah Pendidikan Negara Malaysia⁸⁰.

Perkembangan sains dan teknologi merupakan medium terpenting yang mempengaruhi hukum semasa di samping iklim, struktur sosial, ekonomi dan 'urf setempat. Justeru itu, pembentukan disiplin pengajian Syariah harus diintegrasikan dan diasimilasikan secara berkesan dengan perkembangan sains dan teknologi, bertujuan membina kerangka hukum fiqh semasa yang lebih berwibawa dan tidak akan dipertikaikan kerelevannya. Kecemerlangan pengajian Syariah harus seiring dengan inovasi sains dan teknologi. Reformasi dan modifikasi sistem pengajian Syariah tradisional bakal menentukan usaha *intellectual-discourse* dapat direalisasikan dengan lebih praktikal dan efektif.

Daftar Pustaka

- Abdullah Ahmad Badawi, (2005), Islam Hadhari Akan Bangkit, dlm. *Pemikir*, bil. 39 & 40, Januari- April- Jun, Kuala Lumpur: Kumpulan Utusan.
- Abdul Fatah Hasan, (2003), *Pengenalan Falsafah Pendidikan*, Pahang: PTS Publications & Distributor Sdn. Bhd.
- Abdullah Ishak, (1992), Islam di Nusantara (Khususnya Di Tanah Melayu), Kuala Lumpur: BAHEIS.
- Abdul Latif Samian et. al, (2003), *Perkembangan Sains dan Peradaban Manusia*, Bangi: Penerbit UKM.
- Ab. Alim Abdul Rahim, (1994), *Pengantar psikologi bilazim*, Kuala Lumpur.
- Amini Amir Abdullah, (2004), Islam Hadhari Menyanggah Prinsip Sekularisme, *Al-Islam*, Oktober.
- A. Rahman Omar, (1990), Fizik: Perkembangannya dalam Tamadun Islam, Dlm. Baharudin Yatim & Sulaiman Noordin (pnyt.) *Sains Menurut Perspektif Islam*, Bangi: UKM.
- Abdul Aziz Bari, (1999), "Legal education and Islamization", dalam *IIUM Law Journal*, v. 7, no. 1.
- Abdul Rahman Abdullah, (2001), *Falsafah dan Kaedah Pemikiran*, Kuala Lumpur : Utusan Publication.
- Arba'iyah Mohd Noor, (2001), "Pensejarahan di dalam Tradisi Barat dan Melayu : Satu Perbandingan Ringkas", Dlm. *Jendela Masa*, Kuala Lumpur.
- Ahmad Ibrahim, (1980), *Legal Education In Malaysia*, Singapore.
- Adnan Nawang, (1998), *Za'ba dan Melayu*, Kuala Lumpur.
- Amir Husin Mohd Nor, (2000), *Penutupan Pintu Ijtihad: Satu Kajian Semula*, Jurnal Syariah, 8:1, Januari, Kuala Lumpur: APIUM.

⁷⁹ Al- Quran, Surah *Al-Mujadalah*, ayat 11.

⁸⁰ Abdul Fatah Hasan, (2003), *Pengenalan Falsafah Pendidikan*, Pahang: PTS Publications & Distributor Sdn. Bhd., hlm. 145- 146.

- Abdullah Ishak, (1992), *Islam Di Nusantara (khususnya di Tanah Melayu)*, Kuala Lumpur: BAHEIS.
- Ahmad Sunawari Long et al. (2001), Konsep Dan Halatuju Pendidikan Tinggi Islam Awam Dan swasta Di Malaysia, dlm. *Kertas Seminar Islam di Pusat-pusat Pengajian Tinggi Asean ke-3*, di Kolej Islam Melaka, 5- 7 November.
- Baharudin Ahmad, (1994), *Falsafah Sains Dari Persepektif Islam*, Kuala Lumpur.
- Che Razi Jusoh, (2001), “ Pengajian Melayu : Dari Mana Hendak Ke Mana “, dalam *Harakah*, 1-15 mac 2001.
- Che Wan Jasimah Wan Mohamed Radzi, (2000), *Konsep kesihatan melalui pemakanan : Pendekatan Islam dan sains*, Kuala Lumpur.
- E. E Calverley, (1958), *Islam: An Introduction*, The american University In Cairo Press.
- Fathurrahman Djamil, (1995), *Metode ijtihad Majlis Tarjih Muhammadiyah*, Jakarta.
- Hairudin Harun, (1992), *Daripada sains Yunani Kepada Sains Islam*, Kuala Lumpur: Penerbit UM.
- Hairudin Harun, (2004), *Retorik Sains Dan Teknologi Di Malaysia*, Kuala Lumpur: DBP.
- Haji Marzuki Haji Mahmood, (2003), Keberkesanan dan sambutan Masyarakat Terhadap Pengajian Islam Di Institusi Pengajian Tinggi, dlm. Suzalie Mohamad, *Memahami Isu- isu Pendidikan Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur: IKIM.
- Hilmy Bakar Almasaty, (1994), *Ummah Melayu, : Kuasa Baru Dunia Abad Ke-21*, Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd.
- Huraian lanjut sila lihat, Cik Mustafa Cik Hasan, (2003), *Ekonomi Islam Dan Pelaksanaannya Di Malaysia*, Kuala Lumpur: IKIM.
- Huston Smith, (1994) , Kedudukan Sains, Dlm. Baharudin Ahmad (pngr.) *Falsafah Sains Daripada Perspektif Islam*, Kuala Lumpur: DBP.
- Ismail Ibrahim, (1999), Siatem Pendidikan Islam Bersepadu, dlm. *Isu-isu Semasa Dari Perspektif Islam*, Kuala Lumpur: IKIM.
- Ismail Al- Faruqi, (1984), *Islamisasi Pengetahuan*, Bandung: Pustaka.
- Kamus Dewan*, (1998), ed. Ke-3, Kuala Lumpur: DBP.
- Lokman Ab. Rahman, (2001), *Halal products : consumerism, technology and procedures*, Melaka.
- Mahmood Nazar Mohamed, (1998) “ Asas-asas penyelidikan Sains sosial “, dalam *Pengenalan kepada Sains Sosial*, Kuala Lumpur.
- Mohd Nakhaie Ahmad, (2005), Misi Islam Hadhari, dlm. *Pemikir*, bil. 39&40, Januari-April- Jun, Kuala Lumpur: Kumpulan Utusan.
- Mohd Zahir Zainudin, (2005), Memperkasakan Pendidikan Di Malaysia: Kelangsungan Kecemerlangan, dlm. Roziah Omar et. al, (ed.), *Malaysia: Isu- isu Sosial Semasa*, Kuala Lumpur: Unit Penerbitan ISM.
- Mohd Natsir Mahmud, (1997), *Orientalisme: Al- Quran Di Mata Barat (sebuah studi evaluatif)*, Semarang.

- Mohd. Zuhdi Marzuki, (2000), Pengajian Sains, Teknologi Dan Masyarakat: satu Pendekatan Bersepadu Ke Arah Wawasan 2020, Dlm. Abdul Latif Samian & Mohd. Sabri Haron (pnyt.) *Pengajian Umum Di Alaf Baru*, Bangi: UKM.
- Mohd Azhar ed al. (2005), Mentaliti Kritis Dalam Kalangan Melayu: Suatu Pengamatan Terhadap Pelbagai Persolan Hidup Masyarakat Melayu Masa Kini, dlm. Hashim Awang ed al. *Emosi Melayu*, Kuala Lumpur: APM, UM.
- Mohd Hazim Shah, (2004), A Tale Of Two Scenarios In Development Of Science And Technology In Malaysia, Dlm. Mohd Hazim Shah & Phua Kai Lit (pnyt.) *Publis Policy, Culture And The Impact Of Globalisation In Malaysia*, Kuala Lumpur: Persatuan Sains Sosial Malaysia.
- Mohd Sheffie Abu Bakar, (1995), *Metodologi Penyelidikan*, ed. Ke-2, Bangi: Penerbit UKM.
- Mohammad Azam Mohammad Adil, (1994), “ Pengajian undang-undang Islam di pusat pengajian tinggi – amalan di ITM” dalam *Jurnal Tasannur Islam*, v. 3.
- M. Amin Abdullah, (2003), Etika Tauhidik Sebagai Dasar Kesatuan Epistemologi Keilmuan Umum Dan Agama, dlm. *Menyatukan Kembali Ilmu- ilmu Agama Dan Umum*, Yogyakarta: Sunan Kalijaga Press.
- Muhammad Syukri Salleh, (1990), “Pembangunan untuk manusia atau manusia untuk pembangunan : analisis tentang manusia dalam pembangunan berteraskan Islam “, dalam *Konsep Dan Pelaksanaan Pembangunan Berteraskan Islam*, Pulau Pinang.
- Muhammad Uthman El-Muhammady, (2005), Ilmu Pendidikan Dan Pembinaan Kekuatan Masyarakat Melayu Dalam Menghadapi Globalisasi Dan Teknologi Maklumat Dan Komunikasi, dlm. Hashim Musa (ed.) *Bahasa & Pemikiran Melayu*, Kuala Lumpur: APM, UM.
- Norman Daniel, (1966), *Islam, Europe And Empire*, Edinburgh.
- Osman Bakar, (1994), Mewujudkan Tamadun Ilmu Berlandaskan Tauhid, Dlm. Baharudin Ahmad (pngr.) *Falsafah Sains Daripada Perspektif Islam*, Kuala Lumpur: DBP.
- Rahimin Affandi Abdul Rahim, (1994), *Islamic legal reform in the administration of Islamic law in Malaysia : A critical analysis*, tesis Ph.D untuk University of Birmingham.
- Rahimin Affandi Abd. Rahim, (2002), Ke Arah Penyediaan Kaedah Penyelidikan Hukum Islam Yang Terkini: Satu Pengenalan, dlm. *Jurnal Syariah*, v. 10:1, Kuala Lumpur: APIUM.
- Rahimin Affandi And. Rahim, (2005), Isu Pendekatan Di Dalam Pengajian Syariah Di Malaysia: Satu Analisis, dlm. *Jurnal Syariah*, jld. 13, bil. 1, Kuala Lumpur: APIUM.
- Seyyed Hossein Nasr, (1988), *Knowledge And The Sacred, Lahore*: Suhail Academy.
- Seyyed Hossein Nasr, (1994) , Islam Dan Sains Moden, Dlm. Baharudin Ahmad (pngr.), *Falsafah Sains Daripada Perspektif Islam*, Kuala Lumpur: DBP.

- Syed Al- Naquib Al- Attas, (1981), *Sekularisme dan Islam*, Bandung: Pustaka.
- Sulaiman Noordin, (1992) , *Sains Falsafah Dan Islam*, Bangi: UKM.
- Taha Jabir Al- 'Alwani, (1991), 'Taqlid And The Stagnation Of The Muslim Mind, dlm. *The American Journal Of Social Sciences*, v. 8. No. 3.
- Yusof Al- Qaradhawi, (1994), *Al- Ijtihad Al- Muasir Baina Al- Indbibat Wa Al- Infirat*, Kaherah: Dar Al- Tauzi' Wa Al- Nasyr Al- Islamiah.
- Yusof Al- Qaradhawi, (1980), *Al- Ijtihad Fi Syariah Al- Islamiyah Ma'a Nadbratain Tabliyyatin Fi Ijtihad Al- Muasir*, Kuwait.
- Wan Mohd Nor, (2004), Kaji Ide- ide Rahman Secara Kritis Dan Jujur, *ISLAMIA*, Agustus.
- Wan Zahidi Wan The, (1995), *Identiti Dan Kandungan Pendidikan Islam*, Kuala Lumpur: BAHEIS, JPM.
- Zainudin Jaafar, (2000), *Spektrum Pemikiran Islam*, Selangor: Kolej Islam Darul Ehsan Sdn. Bhd.
- Ziauddin Sardar, (1958) , *Arquments For Islamic Science*, Aligarh: Centre For Policy And Future Studies.
- Ziauddin Sardar, (1992) , *Hujah Sains Islam*, (terj.) Abdul Latif Samian, Kuala Lumpur: DBP.
- Zainal Kling,(1994), *Antropologi tafsiran : sumbangan kebudayaan Malaysia kepada teori*, Syarahan perdana untuk pengukuhan profesor, Kuala Lumpur.